

Semua parti komponen setuju Barisan singkir Usno

11 MAY 1993

Oleh Othman Mamat

JITRA, Isnin — Barisan Nasional (BN) mengambil keputusan menyingkir Usno berikutan tindakannya membentuk kerajaan campuran bersama Parti Bersatu Sabah (PBS) awal bulan lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, ketika mengumumkan demikian berkata, ketetapan itu sudah pun dibuat tetapi tarikh penguatkuasaannya belum ditetapkan.

Menurutnya, keputusan itu dibuat selepas semua parti komponen BN bersetuju supaya Usno disingkir kerana membela kepentingan BN berikutan tindakannya membentuk kerajaan campuran dengan PBS.

"BN sudah pun mem-

buat keputusan daripada BN tetapi mengikut peraturan, BN perlu mendapatkan persetujuan daripada parti komponen sebelum membuat ketetapan itu.

Ditanya sama ada Usno akan atau sudah disingkirkan, beliau berkata: "Keputusan dibuat untuk menyingkir (Usno) kalau mendapat persetujuan parti komponen BN. Oleh kerana persetujuan sudah dapat, kita singkir-lah."

Mengenai surat tunjuk sebab yang diberikan Usno kepada enam Adunnya yang menyertai Umno, Dr Mahathir berkata, Adun terbabit tidak perlu menjawab surat itu kerana mereka bukan lagi ahli Usno.

"Mereka sudah masuk Umno dan bukan lagi ahli

buat ketetapan (untuk menyingkir Usno) tetapi hanya tarikhnya saja (belum ditentukan)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hospital Jitra, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan BN terhadap Usno selepas semua parti komponennya menyatakan pendirian supaya parti itu disingkirkan daripada BN. Berikutan penyingkiran itu, BN kini mempunyai 11 anggota.

Kerajaan campuran dibentuk di Sabah apabila empat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Usno termasuk Presidennya, Datu Amirkahar Tun Datu Mustapha (Banggi), menyertai pakatan dengan PBS.

Tiga adun lain ialah Pitting Mohamed Ali (Sekong), Mohamad Said Senang (Merotai) dan Askalani Abdul Rahim (Lahad Datu).

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, mesyuarat Dewan Tertinggi BN tidak perlu diadakan bagi membincangkan penyingkiran itu kerana ia hanya membabitkan perkara kecil.

"Saya tidak fikir perlu (diadakan mesyuarat). Perkara ini kecil sahaja iaitu untuk membuang satu parti yang tidak ada pendirian," katanya.

Beliau berkata, Usno memang wajar disingkir-

kan. Orang bukan dalam Umno tidak ada hak untuk bertanya orang Umno mengenai apa-apa," katanya.

Perdana Menteri juga met/velar PBS kerana melakukan satu ketidakadilan seperti yang dijanjikan dengan Kerajaan Pusat apabila mengancam untuk menyingkirkan Adun Usno yang menyertai Umno daripada Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Mereka tidak boleh menyingkir (Adun Usno yang menyertai Umno) kerana kesalahan tertentu kalau ia tidak diputuskan oleh pihak lain seperti mahkamah.

"Ini dia sendiri (PBS) membuat keputusan dalam keadaan dia mendapat majoriti. Kalau macam ini, BN boleh singkir semua ahli Parlimen daripada PBS, DAP dan Pas. Di mana letaknya demokrasi," katanya.

Beliau berkata, BN akan menuntut di mahkamah jika PBS meneruskan tindakannya menyingkir Adun Usno yang menyertai Umno daripada Dun Sabah.

Mengenai permohonan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) meletakkan empat ahlinya yang masih duduk di kerusi pembangkang di Dewan Rakyat ke tempat penyokong kerajaan BN, Perdana Menteri berkata, perkara itu adalah urusan BN negeri.